

Headline	TNB PILIH MELAKA		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	07 Sep 2018	Language	Malay
Circulation	112,705	Readership	338,115
Section	Bisnes	Page No	85
ArticleSize	340 cm ²	Journalist	Fairuz Zaidan fair
PR Value	RM 40,182		



LEO (tengah) pada sidang media selepas majlis pengumuman projek perintis TNB bagi menjayakan NCP di TNB Jasin, semalam.

TNB PILIH MELAKA

■ **1,100 rumah jadi perintis sistem rangkaian jalur lebar berkelajuan tinggi**

Fairuz Zaidan
fairuzaidan@nstp.com.my

Jasin

Melaka dipilih Tenaga Nasional Berhad (TNB) sebagai negeri perintis sistem rangkaian jalur lebar berkelajuan tinggi dengan kemudahan teknologi fiber optik di ba-

wah projek Pelan Perhubungan Antarabangsa (NCP).

Sebagai permulaan, sebanyak 1,100 kediaman di tiga kawasan di daerah ini dipilih bagi projek perintis terbahit iaitu di Taman Merbau, Taman Maju dan FELDA Kemandor di sini.

Pengerusi TNB, Tan Sri Leo Moggie, berkata pemasangan infrastruktur itu akan dilakukan secara berperingkat selepas perbincangan bersama kerajaan negeri dan dijangka siap pada penghujung tahun ini.

Beliau berkata, syarikat itu dengan sokongan Kementerian Komunikasi dan Multimedia serta Kementerian

Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim turut diminta untuk bersama-sama mengambil peranan mempercepatkan inisiatif kerajaan berkenaan.

"Kita (TNB) akan memangkas kemudahan teknologi fiber optik di 1,100 kediaman di Jasin, sekali gus membolehkan penduduk mendapat akses kepada rangkaian jalur lebar berkelajuan tinggi atau High Speed Broadband (HSBB)," katanya ketika merasmikan Projek Rintis TNB Bagi Menjayakan NCP di sini, semalam.

Hadir sama Exco Komunikasi, Multimedia, Pembangunan Belia dan Sukan Me-

laka, Kerk Chee Yee dan Pengawai Daerah Jasin, Zamrud Yahya.

Moggie berkata, projek rintis berkenaan juga akan dilaksanakan bagi menilai aspek teknikal dan keselamatan seterusnya menentukan daya komersial kemudahan infrastruktur terbabit. "Ia juga membantu hasrat kerajaan menjayakan program NCP iaitu akses Internet yang lebih pantas, lebih murah serta lebih meluas.

"Melaluinya (projek), TNB akan meneroka potensi menggunakan aset telekomunikasi untuk program ini dan kita akan menilai keberhasilannya untuk menentukan kemungkinan pelaksanaan komersial yang lebih meluas ke seluruh negara awal tahun depan," katanya.

FAKTA
Projek rintis berkenaan juga akan dilaksanakan bagi menilai aspek teknikal dan keselamatan